

BORANG LANGGANAN ATAS TALIAN

Compagnie de Saint-Gobain (akhirat « Saint-Gobain »)

Penafian: DOKUMEN INI ADALAH UNTUK KEGUNAAN DI DALAM MALAYSIA SAHAJA DAN UNTUK PEKERJA ANAK SYARIKAT MALAYSIA YANG BERADA DI DALAM KUMPULAN SAINT-GOBAIN (“PEKERJA YANG BERKELAYAKAN”) DAN TIDAK BOLEH DIHASILKAN SEMULA, DIGUNAKAN ATAU DIPINDAHKAN KEPADA PEKERJA YANG TIDAK BERKELAYAKAN.

Saya mengisyiharkan bahawa saya membuat langganan sebanyak Ringgit Malaysia [] (RM []) untuk pelaburan di dalam saham-saham Saint-Gobain melalui dana pegangan saham (FCPE) “Saint-Gobain Relais Monde 2024”.

FCPE ini akan digabungkan dalam petak “Saint-Gobain Avenir Monde” dalam FCPE “Saint-Gobain PEG Monde”.

Saya mengakui bahawa harga langganan telah dimaklumkan kepada saya.

Penerangan kaedah pembayaran

(Sila rujuk kepada risalah tambahan tempatan untuk maklumat berkenaan dengan kaedah pembayaran.)

- Pembayaran tunai yang dikehendaki dibuat melalui pindahan wang melalui bank – bayaran hendaklah dibuat sebelum 25 Mac 2024 (“Kaedah Pembayaran 1”); atau**
- Pendahuluan gaji* (tanpa mengenakan faedah) untuk dibayar balik dalam sembilan (9) bayaran ansuran dengan potongan gaji bulanan bermula pada bulan April 2024 dan berakhir pada Disember 2024 (“Kaedah Pembayaran 2”); atau**
- Campuran pembayaran tunai dan pendahuluan gaji seperti berikut** (“Kaedah Pembayaran 3”):**

1. Pembayaran tunai sebanyak [] sebelum 25 Mac 2024; dan
2. Pendahuluan gaji (tanpa mengenakan faedah) untuk dibayar balik dalam sembilan (9) bayaran ansuran dengan potongan gaji bulanan bermula pada bulan April 2024 dan berakhir pada Disember 2024 sebanyak [].

* Jika kaedah pembayaran ini dipilih (Kaedah Pembayaran 2), sila mengambil perhatian bahawa pendahuluan gaji yang akan diberikan oleh anak syarikat Saint-Gobain di Malaysia (secara kolektif, “**Anak Syarikat Malaysia Saint-Gobain**”) akan dihadkan pada amaun gaji pekerja individu untuk Februari 2024 (gaji seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Kerja 1955 Malaysia (“EA”)). Oleh itu, pekerja hendaklah memastikan bahawa jumlah langganan yang akan dibayar melalui pendahuluan gaji mestilah dihadkan kepada amaun gaji pekerja tersebut untuk Februari 2024.

Sebagai ilustrasi, jika gaji Pekerja X untuk Februari 2024 adalah RM1,000, Pekerja X hanya boleh melanggan sehingga jumlah RM1,000 menggunakan kaedah pembayaran ini, kerana hanya RM1,000 boleh diberikan kepada Pekerja X melalui pendahuluan gaji untuk bayaran langganan mereka (dan perlu dibayar balik oleh Pekerja X melalui potongan gaji). Jika Pekerja X ingin melanggan amaun melebihi RM1,000, mereka perlu memilih Kaedah Pembayaran 1 atau Kaedah Pembayaran 3.

** Jika kaedah pembayaran ini dipilih (Kaedah Pembayaran 3), sila mengambil perhatian bahawa pendahuluan gaji yang akan diberikan oleh Anak Syarikat Malaysia Saint-Gobain akan dihadkan pada amaun gaji pekerja individu untuk Februari 2024 (gaji seperti yang ditakrifkan di bawah EA), dengan sebarang baki bayaran langganan yang tidak akan dibayar dengan pendahuluan gaji perlu dibayari sebelum 25 Mac 2024 (iaitu, dengan gabungan pendahuluan gaji dan bayaran tunai), perkerja-pekerja yang gagal membuat demikian akan dianggap telah gagal membuat bayaran mereka dan Saint-Gobain dan / atau Anak Syarikat Saint-Gobain Malaysia boleh melaksanakan sebarang langkah yang sesuai (tertakluk kepada mana-mana perundangan yang berkenaan) untuk mendapatkan semula wangnya. Oleh itu, pekerja hendaklah memastikan jumlah langganan yang akan dibayar melalui pendahuluan gaji diberikan mestilah dihadkan kepada amaun gaji pekerja tersebut untuk Februari 2024. Sebagai ilustrasi:

- Gaji Pekerja X untuk Februari 2024 adalah RM1,000 dan Pekerja X ingin melanggani jumlah langganan RM1,500.
- Hanya RM1,000 boleh diberikan kepada Pekerja X melalui pendahuluan gaji untuk bayaran langganan mereka (dan perlu dibayar balik oleh Pekerja X melalui potongan gaji), dan Pekerja X mesti membuat bayaran langganan untuk baki RM500 sebelum 25 Mac 2024.

SYARAT-SYARAT AM LANGGANAN

Saya mengisyiharkan bahawa:

- Saya seorang pekerja atau pegawai eksekutif syarikat kumpulan Saint-Gobain yang merupakan ahli Saint-Gobain PEG. Saya telah bekerja selama tiga bulan pada hari terakhir tempoh langganan (25 Mac 2024).
- Saya telah membaca brosur, risalah tambahan tempatan dan risalah informasi utama FCPE.
- Saya memenuhi syarat untuk melanggan pelan ini.
- Borang langganan ini adalah langganan tunggal saya untuk peningkatan model ini yang dikhaskan kepada pekerja-pekerja Saint-Gobain pada tahun 2024.

- Langganan saya tidak melebihi 25% daripada gaji tahunan kasar (termasuk bonus) untuk 2023 atau anggaran gaji tahunan kasar saya pada masa ini untuk tahun 2024.
- Harga langganan telah dimaklumkan kepada saya sebelum tempoh langganan.
- Saya faham bahawa langganan saya akan dianggap muktamad, mengikat dan tidak boleh dibatalkan pada hari terakhir tempoh langganan (iaitu 25 Mac 2024) tanpa mengira tarikh sebenar pembayaran sumbangan peribadi saya dibuat / diserahkan kepada jabatan sumber manusia saya, sebagaimana dilaksanakan, dengan pesanan langganan ini.
- Sekira pembayaran saya lahai atau dana tidak mencukupi dalam akaun bank saya, atau saya belum bayar sepenuhnya baki jumlah tertunggak pendahuluan yang saya berhutang kepada majikan saya pada masa saya letak jawatan atau pada masa pelepasan awal, langganan saya boleh dibatalkan dengan sepadan jumlah yang belum dibayar. Saya secara nyata membagi mandat yang tidak boleh dibatalkan kepada majikan saya atau pemegang akaun FCPE, untuk menebuskan unit-unit saya di dalam FCPE tanpa sebarang notis awal atau peringatan untuk membayar mengikut peraturan yang berkenaan dan untuk memperuntukkan sebahagian hasil penebusan yang diperlukan untuk membayar jumlah wang saya berhutang menurut langganan saya.
- Jika saya memilih Kaedah Pembayaran 2 atau Kaedah Pembayaran 3 untuk membayari langganan saya, saya memahami bahawa pendahuluan gaji yang akan diberikan oleh majikan saya akan dihadkan pada gaji saya untuk Februari 2024 (gaji seperti yang ditakrifkan di bawah EA). Saya mengesahkan bahawa jumlah langganan saya yang akan dibayari melalui pendahuluan gaji yang diberikan tidak melebihi amaun gaji saya untuk Februari 2024.

Saya telah mengambil perhatian bahawa:

- Saya mengakui bahawa pelaburan saya terikat dengan harga saham Saint-Gobain yang mungkin naik atau turun.
- Saya mengakui bahawa saham-saham yang dilanggan berhak untuk menerima dividen yang diagihkan pada tahun 2025 and tahun-tahun berikutnya (ia tidak akan layak menerima dividen yang dibayar pada 2024 bagi tahun 2023). Sebarang dividen yang dibayar berkenaan dengan saham Saint-Gobain yang dilanggan, asalkan saham-saham ini kekal di dalam FCPE, akan dilaburkan semula oleh FCPE untuk saham tambahan Saint-Gobain bagi pihak saya dan tidak akan dibayar terus kepada saya.
- Sekiranya jumlah permintaan langganan melebihi jumlah peningkatan modal seperti yang ditakrifkan oleh Lembaga Saint-Gobain (6,500,000 saham), Saint-Gobain akan mengurangkan langganan setiap pelanggan secara berkadar dengan langganan mereka. Setiap pelanggan akan dimaklumkan secara peribadi, dan, jika berkenaan, akan menerima bayaran balik dalam bank akaun jumlah yang sama dengan pembezaan antara jumlah langganan yang diminta dan jumlah akhir yang dilanggan. Langkah ini terpakai kepada semua pelanggan 2024 peningkatan modal.
- Saya mengakui bahawa langganan saya dibuat di bawah Saint-Gobain Relais Monde 2024 FCPE. Dana ini akan melanggan kepada peningkatan modal 2024 dan akan digabungkan menjadi petak "Saint-Gobain Avenir Monde" di bawah FCPE "Saint-Gobain PEG Monde" selepas Lembaga Penyeliaan membuat keputusan dan kelulusan Autorité des Marchés Financiers (AMF, suruhanjaya sekuriti Perancis) diterima. Saya juga mengakui bahawa nilai pelaburan saya dikaitkan dengan perubahan terhadap saham Saint Gobain dalam Euro. Oleh itu, saya menghadapi risiko mengenai sumbangan ekuiti yang saya melabur.
- Selepas penebusan, saya akan menerima jumlah dalam Euro atau setara dalam Ringgit Malaysia sepadan dengan nilai saham Saint-Gobain pada tarikh tersebut. Memandangkan saham tersebut adalah dalam Euro, saya mengakui bahawa saya tidak akan dilindungi atau dijamin sekiranya nilai Euro merosot berbanding dengan Ringgit Malaysia.
- Saham FCPE yang saya akan menerima tidak boleh ditebuskan selama lima tahun sampai 1 Mei 2029 selainkan kejadian peristiwa pelepasan awal (Sila rujuk kepada risalah tambahan tempatan untuk maklumat mengenai tempoh penguncian dan peristiwa pelepasan awal.)
- Saya mempunyai akses kepada versi Bahasa Inggeris syarat-syarat PEG 2024 atas permintaan mengenai petak "Saint-Gobain Avenir Monde", "Saint-Gobain Relais Monde 2024" FCPE dan dokumen pendaftaran universal Saint-Gobain.
- Saya dikehendaki melengkapkan borang langganan dalam talian dan memilih kaedah pembayaran supaya langganan saya sah.
- Saya mengakui bahawa tiada apa yang terkandung dalam borang ini, atau dalam mana-mana dokumen lain yang tersedia untuk saya berkaitan dengan tawaran ini memberikan kepada saya apa-apa hak atau kelayakan berkenaan pekerjaan saya. Penyertaan dalam tawaran ini adalah berasingan daripada dan tidak membentuk sebahagian atau mengubah perjanjian pekerjaan saya. Saya juga mengakui bahawa tidak ada apa-apa pun dalam borang ini atau pada mana-mana dokumen lain yang tersedia untuk saya berkaitan dengan tawaran ini memberikan saya apa-apa hak berkaitan dengan atau berkenaan dengan tawaran pada masa depan.

Pengisyntiharan persetujuan untuk pemprosesan dan pemindahan data peribadi (versi Bahasa Malaysia):

Saya dengan ini membenarkan penggunaan, pengumpulan, penyimpanan, pemindahan dan komunikasi mengenai maklumat yang terkandung dalam borang langganan ini sebagai sebahagian proses pemprosesan data yang mana Compagnie de Saint-Gobain akan bertanggungjawab untuk tawaran saham pekerja 2024. Saya juga bersetuju bahawa pemprosesan data peribadi saya di Malaysia dan pemindahan data peribadi saya ke luar Malaysia akan tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010. Asas undang-undang untuk pemprosesan data adalah untuk pelaksanaan perjanjian langganan (iaitu permintaan langganan ini). Saya faham bahawa semua maklumat di atas adalah diperlukan untuk penyertaan saya dalam tawaran saham pekerja 2024 dan untuk menguatkuasakan hak saya berkenaan dengan langganan saya dalam tawaran saham pekerja. Jika saya tidak memberikan data peribadi yang diperlukan atau persetujuan saya untuk pemprosesan dan pemindahan data peribadi saya, saya faham bahawa langganan saya tidak akan diproseskan. Saya bersetuju bahawa maklumat ini boleh diberikan, dipindah kepada Perancis dan diproses oleh Compagnie de Saint-Gobain, majikan saya dan pemegang akaun dana pegangan saham (FCPE) (Amundi ESR) yang berkenaan dengan tawaran saham pekerja 2024.

Selepas peningkatan modal, Amundi ESR adalah bertanggungjawab untuk pemprosesan data bagi tujuan pengurusan pelan simpanan kumpulan, akaun-akaun FCPE, penyimpanan data dan sebarang transaksi terhasil secara langsung daripadanya.

Saya mengakui bahawa saya boleh melaksanakan hak-hak saya untuk meminta akses kepada, mengubah suai, membetulkan, atau memadamkan data peribadi saya dengan menghubungi jabatan sumber manusia Saint-Gobain dan/atau Amundi ESR di dpo@amundi.com. Saya mengakui bahawa saya berhak untuk menolak pemprosesan, mengehadkan aktiviti pemprosesan data peribadi saya dalam keadaan tertentu dan memudah alih data peribadi saya. Saya jelas bahawa penggunaan hak pemandaman, hak untuk sekatan pemprosesan, dan hak untuk memudah alih akan dilaksanakan di bawah syarat yang ditetapkan oleh peraturan dan akan mempunyai akibat yang tidak boleh ditarik balik. Data peribadi saya akan dikenakan bagi tujuan pemprosesan data untuk masa yang diperlukan untuk pelaksanaan tawaran saham pekerja dan untuk pengurusan PEG, sekurang-kurangnya sehingga penjualan saham yang saya pegang dalam PEG, dan kemudiannya untuk tujuan pengarkiran. Saya juga mengakui bahawa saya berhak untuk membuat aduan dengan badan penyeliaan Perancis, CNIL mengenai perlindungan data peribadi saya. Pegawai data peribadi boleh dihubungi di privacycontact.CSG.FR@saint-gobain.com, +33.1.47.62.30.00.

Jabatan sumber manusia saya boleh dihubungi seperti di bawah:

Saint-Gobain Malaysia Sdn. Bhd.
Saint-Gobain Weber (M) Sdn. Bhd.
Emix Industry (M) Sdn. Bhd.
Best Crete (M) Sdn. Bhd.

Desy Ang
Pengurus Sumber Manusia
Telefon umum: +65 6330 8272

Lee Li Kuin
Penolong Pengurus Sumber Manusia
Telefon umum: +603 6038 9498

Pengisyntiaran persetujuan untuk pemprosesan dan pemindahan data peribadi (versi Bahasa Inggeris):

I hereby authorize the use, gathering, storage, transfer and communication of the information contained in this subscription form as part of a computerized data processing process, for which the Compagnie de Saint-Gobain is responsible for the purposes of the 2024 Employee Share Offering. I also consent to the processing of my personal data in Malaysia and the transfer of my personal data out of Malaysia will be subject to the Malaysian Personal Data Protection Act 2010. The legal basis for this data processing is the execution of the subscription contract (i.e., the present subscription request). I understand that all the above information is necessary for my participation in the 2024 employee share offering and to enforce my rights in respect of my subscription to the employee share offering. If I do not provide the personal data required or my consent for the processing and transfer of my personal data, I understand that my subscription will not be processed. I agree that this information will be provided, transferred to France and processed by the Compagnie de Saint-Gobain, by my employer, the account holder of the shareholding fund (the FCPE) (Amundi ESR) in connection with the 2024 employee share offering.

After the capital increase, Amundi ESR is responsible for the data process for the purposes of the management of the Group savings plan, FCPE accounts, the storage of such data, and any transaction resulting directly from it.

I acknowledge that I may exercise my right to access, modify, rectify or delete my personal data by contacting the human resource department of Saint-Gobain and/or Amundi ESR as the case may be at dpo@amundi.com. I note that I have the right to object to the processing of my personal data, the right to restrict processing activities in certain circumstances and the right to the portability of my personal data. I notice that I also have a right to the portability of my data. It is clear to me that the exercise of erasure rights, rights to restriction of processing, and the right to portability will be exercised under the conditions set by the regulations and will have irrevocable consequences. My personal data will be retained for data processing purposes for the time necessary for the implementation of the Employee Share Offering and for the management of the PEG, at least until the sale of all the shares I hold in the PEG, and later for archiving purposes. I also note that I have the right to file a complaint with the French supervisory authority, the CNIL concerning the protection of my personal data. The data protection officer of the issuer can be reached at privacycontact.CSG.FR@saint-gobain.com, +33.1.47.62.30.00.

My human resources department may be contacted as below:

Saint-Gobain Malaysia Sdn. Bhd.
Saint-Gobain Weber (M) Sdn. Bhd.
Emix Industry (M) Sdn. Bhd.
Best Crete (M) Sdn. Bhd.

Desy Ang
Human Resources Manager
General line: +65 6330 8272

Lee Li Kuin
Assistant Human Resources Manager
General line: +603 6038 9498

Amaran – “Orang-Orang US”

Saya memahami bahawa langganan ini tidak terbuka kepada “Orang-Orang US” dan saya dengan ini mengesahkan bahawa saya bukan Orang US (iaitu, saya tidak bermastautin di US dan/atau saya bukan warganegara US). Saya mengambil perhatian bahawa maklumat tambahan mengenai sekatan ini terdapat di dalam peraturan-peraturan FCPE dan di laman web syarikat pengurusan di <https://about.amundi.com/Legal-Mentions/Legal-notices> di bawah “Access Limited”.

Peraturan khusus untuk Rusia dan Belarus

Akibat sanksi yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah, warganegara atau penduduk Rusia atau Belarus yang tidak mempunyai kediaman sah atau kewarganegaraan di Kesatuan Eropah, di negara ahli Kawasan Ekonomi Eropah atau di Switzerland tidak boleh mengambil bahagian dalam tawaran ini.

Oleh itu, saya mengisyiharkan:

- Saya bukan warganegara Rusia atau pemastautin Rusia, atau jika saya adalah warganegara Rusia atau pemastautin Rusia, saya juga adalah warganegara Negara Anggota Kesatuan Eropah, warganegara sesuatu negara dalam Kawasan Ekonomi Eropah atau Switzerland atau saya mempunyai permit kediaman sementara atau tetap di salah satu negara ini; dan
- Saya bukan warganegara Belarus atau pemastautin Belarus, atau jika saya adalah warganegara Belarus atau pemastautin Belarus, saya juga adalah warganegara Negara Anggota Kesatuan Eropah atau memegang permit kediaman sementara atau tetap di salah satu Negara Anggota ini.